



TANYA KHABAR: Khairy bersalaman dengan perwakilan sebelum merasmikan mesyuarat Pemuda Umno Bahagian Baling, di Pusat Rakan Muda, Baling, semalam.

SHAHRIZAL MD NOOR | BERITA HARIAN

Chang, Ibrahim hasut Dr Mahathir: Khairy

Kritikan tidak berasas terhadap pemimpin jejaskan parti

Oleh Azmi Md Deros, Johari
Ibrahim dan Safuri Kamarudin

BALING: Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin membidas bekas pembantu peribadi Tun Dr Mahathir Mohamad, Matthias Chang dan bekas Ketua Umno bahagian Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali yang didakwa menghasut bekas Perdana Menteri.

Mendedahkan demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat Pemuda Umno Bahagian Baling, di sini semalam, Khairy berkata, sebelum ini sudah ada pemimpin yang membuat kenyataan mengenai wujudnya pihak yang menghasut Dr Mahathir.

"Tan Sri Muhamad Muhd Taib (Ketua Penerangan Umno) dan Datuk Seri Adnan Yaakob (Menteri Besar Pahang) sudah membuat kenyataan ada anasir tertentu yang menghasut Tun (Dr Mahathir) untuk mengeruhkan keadaan," katanya.

Khairy berkata, Chang sebelum ini sudah beberapa kali mengadakan sidang akhbar dan mengeluarkan kenyataan yang bukan saja menghasut serta membuat kritikan tidak berasas kepada kepimpinan, malah turut menggunakan perkataan kasar.

"Beliau (Chang) menyatakan sanggup meludah ke muka pemimpin kita. Saya rasa Pemuda perlu tahu inilah orang yang cuba keruhkan keadaan," katanya sambil menjelaskan kenyataan Chang itu dilaporkan media luar negara beberapa minggu lalu.

"Jadi, Pemuda tahu siapa mereka dan pendedahan itu bukan rahsia lagi kerana kita memang sudah tahu bahawa yang menganjurkan perhimpunan di Kelantan tempoh hari adalah Ibrahim," katanya.

"Ditanya sama ada beliau akan mendedahkan lagi nama-nama individu lain yang mungkin menghasut Dr Mahathir untuk mengkritik kerajaan, Khairy berkata: "Banyak lagi (mesyuarat) bahagian yang saya tidak pergi. Tengoklah macam mana".

Sementara itu, ketika berucap merasmikan mesyuarat Pemuda Umno Bahagian Kuala Kedah di Alor Star, Khairy berkata, seluruh ahli parti, khususnya anggota Pemuda perlu mempertahankan Presiden parti kerana pemimpin berkenaan adalah Perdana Menteri yang mengemudi negara.

"Jika bukan kita yang mempertahankan institusi kepimpinan itu, tiada siapa pihak lain yang akan

mempertahkannya. Jika kita mengkhianati institusi Presiden, parti dan negara akan hancur kerana Presiden Umno adalah Perdana Menteri," katanya.

Sehubungan itu, Khairy menasihatkan ahli parti supaya mengambil iktibar daripada pencapaian agak teruk Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 1999 yang disebabkan perpecahan dalam Umno, sedangkan pembangkang ketika itu tidak kuat.

Beliau juga mengingatkan ahli

Umno supaya jangan terpengaruh dengan fitnah yang disebarkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) bahawa Pendaftar Pertubuhan sudah meluluskan pendaftaran Persatuan Melayu Murtag atau Persatuan Melayu Kristian.

"SMS ini sengaja ingin mewujudkan ketegangan supaya orang Melayu marah kepada kerajaan. Kita perlu berfikir secara rasional adalah tidak masuk akal kerajaan meluluskan penubuhan persatuan seumpama itu," katanya.

Sementara itu, beliau turut menggesa kerajaan menunda pemeteraian Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan Amerika Syarikat (AS) sebagai tanda protes terhadap keengganan kuasa besar itu menyelesaikan konflik Israel dengan Lubnan dan Palestin.

Katanya, langkah menunda memeterai perjanjian itu akan memberi mesej protes kepada AS kerana enggan membantu dalam menamatkan konflik di Asia Barat.

"Selagi AS tidak setuju mengadakan gencatan senjata dan Israel tidak dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), saya cadangkan kerajaan tangguh meterai FTA antara negara dan AS," katanya.

"Chang menyatakan sanggup meludah ke muka pemimpin kita. Saya rasa Pemuda perlu tahu inilah orang yang cuba keruhkan keadaan"

Khairy Jamaluddin
Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno